

## Dokumentari Tun Abdul Razak

---

Date: 27-08-2010

Author: SHAZRYN MOHD. FAIZAL

shazryn.faizal@utusan.com.my

APABILA memperkatakan mengenai penerbitan dokumentari di negara ini, percayalah, pasti akan ada yang memiliki tanggapan skeptikal mengenainya.

Bukan mahu memperkecil-kecilkan mana-mana pihak tetapi apabila ditonton kembali dokumentari yang diterbitkan, sebahagian besarnya memiliki pendekatan yang sama sehingga mampu menimbulkan rasa bosan.

Apatah lagi jika penghasilan dokumentari itu mengambil pendekatan subjek yang dilihat sebagai berat seperti sejarah dan tokoh penting yang pastinya membuatkan masyarakat berfikir dua kali untuk menontonnya.

Seiring dengan kemajuan teknologi moden serba canggih yang ada hari ini, pembikin dokumentari seharusnya mengambil peluang itu untuk mengubah pendekatan yang selama ini dipandang enteng.

Mereka juga berperanan untuk mengubah tanggapan lapuk itu terhadap dokumentari tempatan dan membuatnya ia cukup menarik untuk ditonton seperti filem cereka.

Apabila berpeluang menghadiri majlis pratonton dokumentari A Leader s Legacy: Tun Abdul Razak baru-baru ini, perasaan ini cukup kagum melihat penghasilan dokumentari itu.

Memang tidak keterlaluan dikatakan, pembikinan dokumentari itu memiliki kualiti yang cukup tinggi setanding dengan sebuah filem cereka.

Bukan sekadar dokumentari yang menampilkan naratif satu hala seperti kebiasaannya, A Leader s Legacy: Tun Abdul Razak amat menitik beratkan aspek animasi bagi memberikan impak yang lebih besar.

Biarpun dihasilkan dalam tempoh tiga bulan dan dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa untuk sebuah penerbitan dokumentari, ia langsung tidak menghalang penerbitnya memberikan sentuhan terbaik.

Pengarah A Leader s Legacy: Tun Abdul Razak, Justin Ong mengakui, bukan mudah untuk menghasilkan dokumentari itu yang menuntut cabaran tinggi untuknya sebagai seorang pengkarya.

Subjek itu sendiri jelas Justin, sudah cukup membuatnya perlu berhati-hati dan mencari pendekatan terbaik untuk menceritakan tentang kisah hidup serta era pemerintahan Allahyarham Abdul Razak.

Memang sukar untuk menerbitkan sebuah dokumentari tentang seseorang yang sudah meninggal dunia. Lebih-lebih lagi, apabila individu itu seorang figura unggul negara dan juga di dunia.

Untuk itu, kami tidak mahu menampilkan sesuatu yang biasa dalam menyampaikan cerita Tun Abdul Razak kepada masyarakat. Semuanya memerlukan kerja keras dan kerahan idea bagi memastikan ia mampu menjadi sebuah tontonan menarik, ujar

Justin apabila disoal mengenai pembikinan dokumentari itu.

Justin berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pratonton dokumentari itu di GSC The Gardens, MidValley, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sudah pun ditayangkan pada 24 Ogos lalu, *A Leader's Legacy: Tun Abdul Razak* diterbitkan untuk National Geographic Channel sempena bulan kemerdekaan yang ke-53.

Penghasilan dokumentari itu turut dibantu oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) serta Astro.

Majlis pratonton tersebut turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Finas, Mohd. Mahyidin Mustakim serta Pengarah dan Ketua Wilayah Fox International Channels dan National Geographic Channel Asia, Basil Chua.

Hadir sama, Naib Presiden Kumpulan Pengurusan Kandungan Astro TV, Agnes Rozario dan penerbit *A Leader's Legacy: Tun Abdul Razak*, Lina Teoh.

Justin bukanlah orang baru dalam pembikinan dokumentari tempatan kerana sebelum ini anak muda itu pernah mengarahkan dan menerbitkan dokumentari *Fight Masters: Silat*.

Menyambung bicara, Justin menjelaskan, idea penghasilan dokumentari tentang Perdana Menteri kedua itu timbul sejak setahun yang lalu.

Katanya, cerita mengenai Abdul Razak barangkali belum diterokai sepenuhnya dan divisualkan ke dalam bentuk dokumentari.

Sebelum ini, kisahnya diketahui daripada buku sejarah dan masyarakat tidak dapat membayangkan situasi sebenar yang berlaku sepanjang enam tahun pemerintahannya sejak tahun 1970.

Di sini juga terletaknya cabaran untuk saya sebagai seorang pengkarya kerana kisah hidup dan kerjaya politik Abdul Razak terlalu panjang.

Mustahil buat kami untuk memuatkan kesemuanya dalam satu program yang memakan masa selama satu jam sahaja.

Kami mengambil detik dan peristiwa penting yang berlaku sepanjang era pemerintahannya bagi memberikan gambaran jelas kepada masyarakat yang mungkin tidak terlalu mengetahuinya sebelum ini, kata Justin yang berjaya menghimpunkan individu-individu penting dalam kerjaya Abdul Razak.

Antaranya bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam dan bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohamed Hanif Omar.

Selain itu, *A Leader's Legacy: Tun Abdul Razak* turut memaparkan wawancara bersama bekas penasihat dan setiausaha politik Abdul Razak iaitu Tan Sri Abdullah Ahmad dan bekas Setiausaha Parlimen, Tan Sri Michael Chen.

Ia turut memaparkan kisah daripada kaca mata dua orang anaknya iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Datuk Ahmad Johari.

Harapan Justin memang cukup tinggi untuk melihat *A Leader's Legacy: Tun Abdul*

Razak mencapai sasarannya dan mampu meninggalkan kesan yang mendalam kepada penonton.

Baginya, dokumentari tentang negarawan yang digelar Bapa Pembangunan itu hadir tepat pada waktunya di kala keadaan politik semasa yang dilihat tidak tenang ketika ini.

Saya mahu masyarakat melihat sendiri sumbangan dan jasa yang telah diberikan Tun Abdul Razak selama dia menjadi seorang Perdana Menteri.

Sewaktu menghasilkannya juga, emosi saya memang terusik kerana pengorbanan beliau dalam membangunkan masyarakat, ekonomi dan menyatupadukan rakyat untuk terus hidup harmoni, katanya yang berterima kasih kepada Radio Televisyen Malaysia (RTM), Arkib Negara dan Filem Negara dalam membekalkan visual serta gambar-gambar lama untuk digunakan dalam dokumentari itu.

Sementara itu, Mohd. Mahyidin Mustakim memuji kesungguhan dan keberanian Justin serta krew dokumentari itu dalam menerbitkan sebuah karya yang begitu informatif.

Katanya, *A Leader's Legacy*: Tun Abdul Razak merupakan langkah awal dalam menerbitkan lebih banyak lagi dokumentari yang memaparkan figura unggul negara.

Dengan penghasilan yang berkualiti tinggi, jalan penceritaan yang pintar serta kredibiliti dari segi fakta, kita sudah berada di landasan yang betul untuk bersaing di peringkat antarabangsa, jelasnya.

(END)

(Source by: Utusan Malaysia)